

# KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

## BUJANG SENANG

Tiong Mee Hii

Sungai Batang Ai dahulu terkenal dengan seekor buaya yang bergelar Bujang Senang. Gelaran tersebut diberi oleh orang kampung ketika itu. Mengikut cerita, buaya itu akan bertukar menjadi manusia pada waktu malam selepas menanggalkan kulitnya. Apabila sudah menjadi manusia Bujang Senang gemar pula memikat anak-anak dara orang kampung. Anak-anak dara itu selalunya mudah terpikat dengan Bujang Senang yang kelihatan kacak dan tampan itu! Dengan demikian perangai buruk Bujang Senang itu semakin menjadi-jadi dan anak dara yang menjadi mangsanya juga semakin bertambah.

Pada suatu hari, seperti biasa, Bujang Senang menukarkan dirinya menjadi manusia apabila hari sudah melewati senja. Kulit buayanya sengaja disembunyikan di tempat yang terselindung daripada pandangan orang. Kalau kulitnya hilang atau diambil orang dia tidak akan dapat kembali menjadi buaya. Bujang Senang kemudian pun pergilah ke sebuah kampung dan mengusik serta memikat anak-anak dara orang seperti selalu. Dia sengaja bermain cinta dengan melafazkan kata-kata manis kepada gadis yang terpaut hati terhadapnya. Lakonan Bujang Senang berjaya mengaburi mata gadis yang bersamanya pada malam itu. Bujang Senang berjaya menjerat hati gadis itu.

Penduduk kampung kemudian mendapat tahu sikap buruk Bujang Senang itu. Dengan perasaan marah yang membuak-buak mereka pun membuat intipan di rumah gadis tersebut. Akhirnya mereka daapat tahu rahsia hidup Bujang Senang. Mereka lalu berpakat mencari dan memusnahkan kulit buaya Bujang Senang supaya dia tidak

dapat kembali menjadi buaya. Dengan demikian dapatlah dia dipaksa bertanggungjawab terhadap gadis yang telah dicemari maruahnya tadi.

Sesiapa yang melakukan dosa atau perbuatan yang salah pasti akan menerima padahnya. Begitulah juga dengan Bujang Senang. Tuhan senantiasa berlaku adil terhadap sesiapa sahaja. Penduduk kampung berjaya mencari kulit buaya Bujang senang dan terus membakarnya.

Awal keesokan paginya Bujang Senang curi-curi keluar dari rumah gadis tadi dan terus pergi ke tempat kulitnya disembunyikan. Dia terperanjat apabila mendapati kulitnya sudah tidak ada lagi di situ. Bujang Senang tidak menyangka hidupnya akan berubah. “Mungkin sudah ditakdirkan aku akan menjadi manusia sepanjang hidupku mulai hari ini,” fikiran.

Sejak hari itu Bujang Senang pun hidup seperti manusia biasa dan berkahwin dengan gadis tadi. Namun, sebab sebenar dia berkahwin dengan gadis itu masih kabur sehingga kini. Ada yang mengatakan dia berbuat demikian kerana keinsafan tetapi ada juga yang mengatakan kerana dia didesak oleh orang kampung.

Walaupun Bujang Senang sudah menjadi manusia namun terdapat perbezaan fizikal yang ketara antara dia dan manusia lain. Di atas kepalanya ada satu benjolan yang menyerupai kepala buaya. Daripada cerita ini juga buaya dikatakan memiliki sikap yang serupa dengan manusia. Buaya akan membalas dendam kalau anak atau keluarganya diancam oleh manusia. Kalau tidak dapat membalas dendam terhadap pesalah yang sebenar buaya akan membalas dendam terhadap orang lain dalam keturunannya. Sebaliknya, kalau buaya yang mula mengganggu kehidupan manusia, buaya itu sendiri akan tertangkap atau menerima balasannya.

Demikianlah cerita tentang Bujang Senang tetapi sehingga kini kebenaran dan kesahihannya masih belum dapat dipastikan.

---

*AKMY/zza (fld AK: Bujang Senang)*

